

28/03/2002

Agensi Angkasa Negara beroperasi Julai

AGENSI Angkasa Negara dijangka akan beroperasi mulai Julai ini dalam usaha menjayakan program angkasa di Malaysia, kata Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Zainal Dahalan.

Zainal berkata, agensi itu akan menyelaraskan dengan lebih cekap keperluan negara dalam bidang berkaitan dan menyiapkan infrastruktur dasar angkasa negara.

"Agensi ini juga bertanggungjawab dalam merangka Pelan Strategik untuk Program Angkasa Negara," katanya ketika menjawab soalan Datuk Zulhasnan Rafique (BN-Wangsa Maju) di Dewan Rakyat semalam.

Zainal berkata, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) kerajaan juga meluluskan satu kajian untuk merangka Program Satelit Negara.

Melalui Astronautic Technology (M) Sdn Bhd (ATSB), beliau berkata, kerajaan sedang giat menjalankan aktiviti berkaitan teknologi angkasa.

Katanya, pada masa ini, ATSB bersama rakan kerjasama dari Korea Selatan sedang membangunkan Medium Aperture Camera (MAC) yang beresolusi 2.5 meter dan lima meter.

Di samping itu, Zainal berkata, ATSB juga bersama AeroAstro Inc USA sedang membangunkan kenderaan angkasa kecil yang dapat membawa satelit kecil dari Orbit Geosegerak ke Orbit Rendah Bumi yang dikenali sebagai Small Payload Orbit Transfer.

Menyedari Russia sebagai sebuah negara maju dalam bidang teknologi aeroangkasa, beliau berkata, semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu baru-baru ini, beberapa perundingan dijalankan bagi tujuan itu.

Menjawab soalan tambahan Zulhasnan, Zainal berkata, Syarikat Aeroangkasa Russia NPO Mashinostroenia sedia menandatangani satu perjanjian kerjasama dengan ATSB dalam membina dan melatih sumber manusia.

"Selain itu, syarikat itu juga sedia memindahkan teknologi dan melancarkan sebuah satelit bagi tujuan remote sensing serta membina stesen kawalan bumi bagi mengawal dan menerima data dari satelit berkenaan," katanya.

Beliau berkata, perundingan juga dibuat dengan sebuah syarikat telekomunikasi Russia, NPO of Applied Mechanics di Siberia, yang mana syarikat ini memberi tawaran bagi pembinaan satelit Measat 6.

Satelit itu akan memberi perkhidmatan meliputi kawasan benua Afrika kepada sebuah syarikat tempatan iaitu Binariang Satellite System (BSS).

Pada masa yang sama, Zainal berkata, kedua-dua negara bersetuju menubuhkan sebuah Suruhanjaya Kerjasama Dua Hala apabila perjanjian ditandatangani semasa lawatan Menteri Industri Sains dan Teknologi Russia ke sini.

(END)